

Taufan Nargis antara bencana paling besar dalam abad ini

SINAR
8/5/08
121

PBB mengeluarkan kenyataan mengenai bencana itu semalam.

YANGON-Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menganggap taufan Nargis adalah salah satu bencana besar abad ini yang tidak diduga sehingga mengorbankan banyak nyawa dan kerosakan harta benda yang tidak ternilai di Myanmar. PBB mengeluarkan kenyataan rasmi semalam.

Bantuan antarabangsa mula tiba ke Myanmar tetapi kebanyakan kawasan di delta Irrawaddy, di mana puluhan ribu mangsa terkorban masih terputus daripada hubungan luar.

Turut terjejas di kawasan sekitar Yangon.

"Secara asasnya keseluruhan kawasan rendah delta berada di dalam air," ujar Richard Horsey, jurucakap kepada Pejabat Koordinasi Bantuan kemanusiaan PBB. Beliau mengatakan jumlah kematian akan meningkat secara mendadak lebih daripada angka yang dinyatakan oleh kerajaan Myanmar.

Para pekerja bantuan sudah boleh mula mengedarkan bekalan penting di kawasan tersebut, termasuk tablet pembersihan air, kelambu dan juga bekal-

an ubat-ubatan. Tetapi kawasan yang menerima kesan banjir teruk hanya boleh dimasuki dengan menggunakan bot," ujar beliau.

"Ahli-ahli pasukan terus mencari dan mengeluarkan mayat-mayat yang terapung di permukaan air, ia adalah masalah yang besar hanya untuk mengeluarkan semuanya. Ini adalah satu bentuk bencana yang cukup besar dan kami sedang berhadapan dengannya," ujarnya.

Dengan hampir satu juta orang terbiar tanpa tempat tinggal selepas taufan tersebut, masyarakat antarabangsa berusaha keras untuk menyampaikan bantuan di negara pimpinan junta tentera itu, yang kebiasaannya menutup pintu kepada bantuan asing.

Stesen televisyen tempatan melaporkan semalam pihak kerajaan memberi jaminan kepada rakyat bahawa situasi akan kembali seperti biasa di sesetengah kawasan dalam tempoh terdekat.

Siaran TV memperlihatkan petugas-petugas sukarela bekerja keras menebang pokok dan membersihkan jalan raya dengan turut disertai anggota tentera.

Di kawasan sekitar Yangon, mangsa taufan ber-



Para penduduk memenuhi air ke dalam tangki selepas kekurangan bekalan air di Yangon.

hadapan dengan cabaran baru apabila peniaga menaikkan harga beras, arang dan minuman botol.

Bekalan elektrik telah dipulihkan di sebahagian kecil kawasan yang mempunyai 6.5 juta penduduk. Namun bekalan air bersih masih sukar diperolehi, tetapi bekalan elektrik nampak seperti tidak

Di sebuah pasar pagi di pinggir Yangon di kawasan Kyimyindaing, seorang penjual ikan menjerit kepada pelanggan: "Mari, mari ikan sangat segar."

Tetapi seorang wanita dengan perasaan marah membalas: "Walaupun ikan tersebut segar, saya tidak mempunyai air untuk memasaknya!"

Jurucakap Program Makanan PBB berkata, bantuan ke kawasan yang terjejas teruk di Yangon telah disalurkan di mana 800 tan makanan telah tiba.

Negara-negara asing seperti Britain, Amerika Syarikat, China dan Perancis telah bersedia untuk menghulurkan bantuan kepada Myanmar.